

KUALA LUMPUR, 13 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI HARI INI MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT BAHAWA PINDAAN AKTA PERTUBUHAN 1966 BERTUJUAN UNTUK MEMBERI KUASA KEPADA PARTI POLITIK MENYELESAIKAN MASALAH DALAM PARTI TANPA DIRUJUK KEPADA MAHKAMAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PINDAAN UNDANG-UNDANG ITU TERHAD HANYA KEPADA PENTADBIRAN DAN PERJALANAN PARTI POLITIK SEBAGAI PARTI POLITIK.

PINDAAN ITU AKAN MENGHALANG PENGGUNAAN PROSES KEHAKIMAN UNTUK KEPENTINGAN POLITIK ANGGOTA-ANGGOTA ATAU PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI POLITIK, KATANYA SEMASA MEMBENTANGKAN USUL PINDAAN AKTA PERTUBUHAN 1966 BAGI BACAAN KEDUA HARI INI.

PINDAAN ITU JUGA AKAN MEMBEBAHKAN MAHKAMAH DARIPADA MEMBUAT KEPUTUSAN-KEPUTUSAN POLITIK, TAMBAHNYA.

+MAHKAMAH DAN SISTEM KEHAKIMAN TIDAK LAGI DAPAT DIPERALATKAN OLEH ORANG-ORANG POLITIK UNTUK MENCAPAI KEPENTINGAN DIRI MEREKA SENDIRI,+ TEGASNYA. -- LAGI  
1721MST 13 12 89

D849

U B274 AAB

PARLIMEN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA, PINDAAN ITU TIDAK MENYELAMATKAN PARTI POLITIK DARIPADA UNDANG-UNDANG LAIN.

+JIKA PARTI POLITIK MELAKUKAN JENAYAH ATAU MELANGGAR UNDANG-UNDANG NEGARA, TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIGUNAKAN,+ JELASNYA.

BELIAU BERKATA, JIKA PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI POLITIK MENYALAHGUNAKAN KUASA ATAU TERBABIT DENGAN RASUAH ATAU MELAKUKAN APA-APA JENAYAH, TINDAKAN BOLEH DAN AKAN DIAMBIL.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA PINDAAN UNDANG-UNDANG ITU HANYA MENGHALANG PARA ANGGOTA POLITIK DARIPADA MEMPERALATKAN PROSES KEHAKIMAN UNTUK MENCAPAI TUJUAN POLITIK DIRINYA ATAU KUMPULANNYA DALAM URUSAN DAN MASALAH PARTI SAMATA-MATA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, ANGGOTA-ANGGOTA PARTI MASIH BOLEH MELAPORKAN KEPADA PIHAK BERKUASA SEBARANG JENAYAH SEKIRANYA IA MEMPUNYAI BUKTI PERKARA ITU BERLAKU DALAM PARTI OLEH MANA-MANA ANGGOTA PARTI. -- LAGI  
1723MST 13 12 89

D851

U B276 AAB

PARLIMEN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, PIHAK BERKUASA TIDAK KEHILANGAN HAK UNTUK MENYELIDIK DAN MEMERIKSA PARTI ATAU ANGGOTA-ANGGOTANYA JIKA ADA TUDUHAN YANG BERASAS DAN MUNASABAH BAHAWA UNDANG-UNDANG NEGARA TELAH DICABUL.

BELIAU MENJELASKAN KEPADA DEWAN BAHAWA PINDAAN UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN ITU AKAN MENOLONG PROSES KEADILAN BAGI PIHAK-PIHAK LAIN JUGA.

SEKARANG INI TERDAPAT LEBIH DARIPADA 500,000 KES YANG PERLU DIDENGAR OLEH MAHKAMAH DAN OLEH KERANA KES-KES POLITIK DAN PERINTAH SEMENTARA BIASANYA MENDAPAT KEUTAMAAN, KES-KES LAIN TERGANGGU DAN LEWAT DIBICARAKAN.

SAMBIL MENYEBUT PERPATAH INGGERIS +JUSTICE DELAYED IS JUSTICE DENIED+ (KEADILAN YANG DILEWATKAN BERERTI KETIDAKADILAN BERLAKU), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KES-KES PARTI POLITIK YANG BANYAK BERMAKNA KES-KES LAIN DILAMBAT-LAMBATKAN DAN KETIDAKADILAN BERLAKU.

KATANYA, DENGAN PINDAAN ITU, MAHKAMAH BOLEHLAH MENUMPUKAN TENAGA DAN MASA KEPADA PERBICARAAN KES-KES LAIN, MENGURANGKAN KES-KES TERTANGGUH DAN SELANJUTNYA PIHAK YANG MENUNGGU BEGITU LAMA UNTUK MENYELESAIKAN KES MEREKA AKAN MENDAPAT Keadilan.-- LAGI  
1727MST 13 12 89

U B285 AAB  
PARLIMEN - MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, UNDANG-UNDANG DIGUBAL UNTUK KEBAIKAN DAN +KITA MEMATUHI UNDANG-UNDANG KERANA KITA MENERIMA PEMERINTAHAN BERUNDANG-UNDANG.+

MALANGNYA SETIAP KALI UNDANG-UNDANG DIGUBAL, ADA SAHAJA ORANG YANG SENGAJA Mencari jalan keluar dan mengambil kesempatan untuk membuat perkara-perkara yang bertentangan dengan maksud dan tujuan undang-undang itu.

+DEMikianlah ketaranya usaha ini sehingga maksud undang-undang tidak tercapai dan sebaliknya ia membawa ketidakadilan kepada pihak yang sepatutnya dilindungi,+ tegas beliau.

+OLEH kerana kita tidak boleh membelakangi undang-undang, maka undang-undang yang menyebabkan ketidakadilan mestilah dihapus atau dipinda.

+UNDANG-UNDANG pertubuhan yang ada sekarang ini sudah menjadi undang-undang yang tidak adil kepada parti politik dan anggota-anggotanya,+ tambah beliau. -- LAGI  
1753MST 13 12 89

PARLIMEN - MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

KATanya, PARTI-PARTI politik mempunyai perlembagaan dan undang-undang kecilnya yang menentukan perjuangan serta pentadbiran parti. +JIKA seseorang menjadi anggota parti, dia mestilah menerima perlembagaan dan undang-undang kecil itu.

+SESEORANG tidak boleh memaksa sesebuah parti meminda undang-undang parti supaya ia boleh menyertainya,+ tegas beliau.

BELIAU berkata, dalam negara demokratik, seperti Malaysia, tidak ada sekatan terhadap penubuhan parti politik melainkan jika ianya bertujuan untuk menghapuskan sistem demokrasi atau bertujuan mencetus haru-hara dalam negara.

+SEBAB itulah parti komunis tidak dibenarkan di negara kita,+ jelas beliau.

TAMBAHnya, jika terdapat terlalu banyak parti politik, ia juga akan menjejaskan demokrasi kerana ia boleh menjadi keadaan dalam negara tidak stabil dengan memecah-belahkan rakyat sehingga tidak ada parti yang boleh memerintah. -- LAGI  
1759MST 13 12 89

PARLIMEN - MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

DALAM SISTEM PEMERINTAHAN DI NEGARA INI, TIDAK ADA PAKSAAN TERHADAP RAKYAT UNTUK MENYERTAI MANA-MANA PARTI POLITIK. SETIAP ORANG BEBAS UNTUK MEMILIH UNTUK MENJADI ANGGOTA MANA-MANA PARTI POLITIK MENGIKUT SELERA DAN KEHENDAKNYA.

JIKA IDEOLOGI, DASAR DAN MATLAMAT SESEBUAH PARTI DITERIMA DAN DIPERCAYAI OLEH SESEORANG, IA BOLEH MENJADI ANGGOTA ATAU MENYOKONG PARTI ITU DAN JIKA SEBALIKNYA, SESEORANG ITU TIDAK PERLU MENYOKONG PARTI BERKENAAN.

SESIAPA YANG MENJADI ANGGOTA PARTI MESTILAH MENGANGGOTAI PARTI DENGAN PENUH KESEDARAN DAN PENERIMAAN AKAN PERLEMBAGAAN PARTI. KEMASUKANNYA SECARA RASMI MESTILAH DIANGGAP SEBAGAI SATU KONTRAK ANTARANYA DENGAN PARTI.

DI BAWAH PINDAAN ITU, SEKSYEN BARU 18B DIMASUKKAN YANG MEMPERUNTUKKAN BAHAWA APA-APA PEMILIHAN DALAM SESUATU PARTI POLITIK TIDAKLAH TIDAK SAH OLEH SEBAB APA-APA PERUNTUKAN DALAM PERLEMBAGAAN, KAEDAH-KAEDAH ATAU PERATURAN-PERATURAN PARTI ITU TIDAK DIPATUHI, ATAU OLEH SEBAB SESEORANG YANG HILANG KELAYAKAN TELAH MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PEMILIHAN ITU JIKA KEPUTUSAN PEMILIHAN ITU TETAP SAMA SEKIRANYA PERUNTUKAN TERSEBUT TELAH DIPATUHI ATAU SEKIRANYA ORANG ITU TIDAK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PEMILIHAN ITU.

BAGAIMANAPUN, JIKA ORANG YANG HILANG KELAYAKAN ITU DIPILIH MEMEGANG SESUATU JAWATAN DALAM PARTI ITU, KEHILANGAN KELAYAKAN ITU HENDAKLAH DIBERIKAN KESAN DAN SUATU PIMILIHAN BARU BERKENAAN DENGAN JAWATAN ITU HENDAKLAH DIJALANKAN DENGAN SEBERAPA SEGERA YANG PRAKTIS.

SEKSYEN BARU 18C PULA MEMPERUNTUKKAN BAHAWA APA-APA KEPUTUSAN SESUATU PARTI POLITIK TENTANG PENTAFSIRAN PERLEMBAGAAN, KAEDAH-KAEDAH ATAU PERATURAN-PERATURANNYA ATAU BERHUBUNGAN DENGAN HAL-EHWAL PARTI ITU ADALAH MUKTAMAD DAN KONKLUSIF. IA MELARANG APA-APA PROSIDING MAHKAMAH BERKENAAN DENGAN KEPUTUSAN ITU DAN MENYINGKIRKAN BIDANG KUASA MAHKAMAH UNTUK MEMUTUSKAN APA-APA GUAMAN, PERMOHONAN, SOAL ATAU PROSIDING BERKENAAN DENGAN KEESAHAN KEPUTUSAN ITU. -- BERNAMA

1847MST 13 12 89